

KONFLIK PERKAUMAN CINA-MELAYU SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU: PANDANGAN BERDASARKAN AKHBAR *SERUAN RA'AYAT*

RACIAL CONFLICT BETWEEN MALAY-CHINESE AFTER THE JAPANESE OCCUPATION: A REVIEW BASED ON SERUAN RA'AYAT NEWSPAPER

Mohamed Ali Haniffa¹
Ayu Nor Azilah Mohamad²
Mohan Rathakrishnan³

¹(m.ali@uum.edu.my), Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

²(ayunorazilah@kuis.edu.my), Pensyarah di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor

³(rmohan@uum.edu.my), Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Accepted Date: 30 October 2017

Published Date: 15 March 2018

To cite this document: Haniffa, M. A., Mohamad, A. N. A., & Rathakrishnan, M. (2018). Konflik Perkauman Cina-Melayu Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu: Pandangan Berdasarkan Akhbar Seruan Ra'ayat. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 54-70.

Abstrak

Artikel ini membicarakan mengenai konflik perkauman di antara Melayu-Cina yang menyebabkan berlakunya ketegangan hubungan kaum. Peristiwa ini terjadi selepas pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Proses penjajahan telah meninggalkan impak negatif khususnya dalam aspek yang melibatkan hubungan kaum. Bahan yang dijadikan sebagai sumber utama dalam perbincangan artikel ini ialah akhbar Seruan Ra'ayat yang hanya merupakan satu-satunya sumber Melayu yang terdapat di Tanah Melayu ketika era pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Episod permulaan kepada kemelut ini ialah berpunca daripada corak pemerintahan tentera Jepun yang telah memberi ruang kepada pihak komunis melegitimasikan kuasa dengan melakukan kezaliman khususnya terhadap orang Melayu. Peristiwa dan berita mengenai pergaduhan Melayu-Cina telah menjadi tajuk utama akhbar-akhbar selepas perang. Kajian ini menggunakan sumber akhbar dan kaedah penyelidikan kepustakaan, melibatkan dokumen dan fail. Hasil kajian mendapati bahawa akhbar berperanan sebagai medium perantaraan utama masyarakat ketika perang dalam menyampaikan informasi. Isi kupasan dalam artikel ini wajar dihayati demi membina kehidupan yang lebih harmonis dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata kunci: *Seruan Ra'ayat, tentera Jepun, Media, Informasi*

Abstract

This article discusses about racial conflict between Malay and Chinese which resulted in racial tensions. This event occurred after the withdrawal of Japanese troops from Malaya. The colonization has left a negative impact especially on the aspect of inter-racial relations. The material used as the main source for this article is Seruan Ra'ayat newspaper which was the only Malay source found in Malaya during the Japanese rule in Malaya. The crisis was started due to the Japanese military rule that had been giving space to the communists to legitimate their power by tyranny, especially against Malay community. The news on Malay-Chinese crisis had become the main topic of newspapers after the war. This study uses the source of the newspaper and library research methods, involving documents and files. The findings show that newspaper was the main medium of conveying information to community during war. The contents of this article should be appreciated as to create harmonious life among the plural society of Malaysia.

Keywords: *Seruan Ra'ayat, Japanese army, Media, Information*

Pendahuluan

Kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia telah bermula sejak Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi suri teladan kepada model keharmonian hubungan kaum di Malaysia. Dasar liberal dan terbuka Melaka telah diamalkan sejak pemerintahan Megat Iskandar Syah. Hubungan diplomatik telah menyebabkan pedagang dan orang luar datang ke pelabuhan Melaka sehingga terbentuknya pola masyarakat majmuk di kota Melaka. Pengiktirafan kepada politi orang Melayu dapat dibuktikan apabila Bahasa Melayu telah berperanan sebagai bahasa komunikasi yang utama (Zainal Abidin Abdul Wahid, 2008: 124). Menurut Duarte Barbosa, Melaka dikunjungi oleh jumlah pedagang yang terbesar di dunia dan merupakan sebuah pelabuhan yang terkaya. Melaka, mengikut catatan Barbosa, adalah pelabuhan yang terkaya (Amanda Corteso, ed., 1944: 247). Keharmonian di Melaka dapat dibuktikan dengan kewujudan tolenrasi antara kaum yang membawa kepada keamanan masyarakat (Zahari A. Rashid, 2008: 15). Proses penjajahan telah sedikit sebanyak mewarnai struktur masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Ekonomi Tanah Melayu ketika zaman kolonial bersifat majmuk dan pekerjaan penduduk diidentifikasi mengikut kumpulan etnik. Kemajmukan itu dicambahkan lagi apabila British mengamalkan dasar buka pintu dengan membawa masuk imigran Cina dan India dengan alasan keperluan ekonomi ketika itu. Orang Cina yang terlibat dalam industri perlombongan bijih timah sudah berada di Tanah Melayu seawal tahun 1777 dan menetap di Perak pada tahun 1830 (Patrick Sullivan, 1982:13). Impaknya, Malaysia kini mempunyai kepelbagaian masyarakat yang hidup saling melengkapi antara satu sama lain. Akhbar sebagai perakam peristiwa sangat berguna kepada ahli-ahli sejarah untuk menyusur kembali sejarah sesuatu bangsa. Akhbar juga berperanan penting sebagai media penyebaran maklumat, pengetahuan dan pembentukan pemikiran masyarakat massa. Akhbar juga turut berfungsi menggalas tanggungjawab sosial sebagai pengkritik ketidakadilan ekonomi dan sosial, memperbaiki cara bekerja dan kaedah perjuangan, meningkatkan kesedaran politik dan sebagainya. Roff berpendapat, bagi seorang ahli sejarah, akhbar-akhbar dan majalah-majalah lama merupakan suatu alat perakaman yang paling penting dan berguna. Ini adalah kerana akhbar-akhbar tersebut menggambarkan dan menjelaskan fikiran dan perasaan masyarakat ketika itu.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk melihat konflik perkauman Melayu-Cina selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu berdasarkan pandangan akhbar *Seruan Ra'ayat*. Penjajahan di Tanah Melayu oleh British dan Jepun telah membawa kepada tercetusnya konflik yang berpanjangan khususnya antara Melayu dan Cina. Keadaan kian meruncing apabila pihak British dan Jepun melaksanakan dasar pentadbiran yang berat sebelah antara Melayu, Cina dan India. Hal yang demikian, telah menyebabkan timbulnya perasaan prejudis dan prasangka perkauman. Dasar pentadbiran pihak British dan Jepun yang bertindak tidak adil kepada semua etnik di Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya konflik antara orang Melayu dan Cina berikutan pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah untuk melihat hubungan etnik di Tanah Melayu dan konflik yang terjadi antara orang Melayu dan Cina selepas pendudukan Jepun. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya menganalisis pandangan yang diutarakan berdasarkan akhbar *Seruan Ra'ayat*. Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, melibatkan dokumen dan fail.

Sorotan Kajian Lepas

Terdapat kajian awal yang telah dilakukan oleh sarjana mengenai faktor dan konflik perkauman yang tercetus di antara orang Melayu dan Cina. Kenelm O.L. Burridge telah melaksanakan kajian awal mengenai hubungan Melayu-Cina di Batu Pahat, Johor. Hasil penulisan Kenelm O.L. Burridge bertajuk *Racial Relations in Johore*. Kajian Burridge telah memberikan sumbangan dalam memberikan gambaran mengenai pola kehidupan penduduk tempatan yang akhirnya membawa kepada permulaan ketegangan hubungan antara kaum. Kajian Burridge juga telah memberikan sumbangan kerana beliau memberikan maklumat penting mengenai hubungan di antara orang Melayu dan Cina di Batu Pahat, Johor. Burridge turut menyentuh beberapa contoh kekejaman yang telah dilakukan oleh orang Cina yang kebanyakannya berideologi komunis terhadap orang Melayu. Kajian Burridge amat signifikan kepada kajian etnik kerana memberikan gambaran awal mengenai faktor yang mencetuskan ketegangan hubungan kaum di antara Melayu-Cina. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya terbatas di daerah Batu Pahat sahaja dan tidak meliputi beberapa lokasi lain yang meletusnya pergaduhan Melayu-Cina (Kenelm Burridge, Vol. II, No. 2, May 1951: 157)

Manakala kajian Cheah Boon Kheng pula tertumpu kepada pergaduhan Melayu-Cina yang telah berlaku antara tahun 1945-1946. Cheah Boon Kheng menyifatkan bahawa orang Melayu telah menerima tindakan balas dendam komunis apabila mereka tidak memberikan sokongan kepada perjuangan mereka. Kajian Cheah Boon Kheng bukan sekadar menghuraikan mengenai pergaduhan Melayu-Cina, sebaliknya menggambarkan bahawa tempoh masa tersebut sebagai tahap kebangkitan Islam. Hal ini berlaku apabila soal beragama orang Melayu mula diperlekehkan oleh Cina komunis. Cheah Boon Kheng turut mengulas bahawa perjuangan orang Melayu telah menggabungkan prinsip sabilillah dalam Islam dan seni mempertahankan diri (Cheah Boon Kheng, Volume 12, No. 1, 198: 108).

Red Star Over Malaya, Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946 merupakan bahan asas yang perlu diteliti dalam membicarakan tajuk mengenai hubungan kaum. Buku ini telah dihasilkan oleh Cheah Boon Kheng dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan mengenai asal mula berlakunya pergaduhan di antara orang Melayu dan Cina. Bahagian kedua pula membincangkan mengenai pergolakan yang berlaku berikutan pengunduran tentera Jepun dari

Tanah Melayu. Cheah telah memberikan beberapa faktor yang telah mencetuskan konflik perkauman Melayu dan Cina di beberapa buah negeri. Beliau telah membuat tafsiran bahawa pengenalan beberapa jenis cukai oleh *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) dan *Malayan People Anti Japanese Union* (MPAJU) seperti cukai kepala dan cukai komoditi telah menyebabkan kehidupan orang Melayu terbeban. Perbezaan budaya kehidupan di antara orang Melayu dan Cina sedikit sebanyak telah membawa kepada berlakunya perselisihan etnik (Cheah Boon Kheng, 1983: 197).

Kajian Hairi Abdullah pula bertajuk 'Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat'. Penulisan ini memberikan maklumat mengenai pembentukan Tentera Sabil Selendang Merah. Hairi juga telah memberikan gambaran sepintas lalu mengenai pergaduhan Melayu-Cina yang telah berlaku di daerah Muar dan Batu Pahat. Hairi telah membuat penegasan bahawa terdapat tiga tujuan besar yang menyebabkan penubuhan Tentera Sabil Selendang Merah. Antara matlamat penubuhannya adalah untuk mempertahankan kehormatan agama Islam dan tempat-tempat ibadat yang telah dicemari oleh komunis serta memusnahkan segala kezaliman untuk mengawal maruah bangsa, hak dan harta orang-orang Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terhad di negeri Johor dan pengkaji tidak menyatakan sumber yang telah digunakan bagi menghasilkan kajian tersebut. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh penulis adalah menyeluruh khususnya di daerah Batu Pahat, Johor (Hairi Abdullah, Bil., 3/4, 1973/4, 1974/5).

Zaharah Nawawi turut memberikan gambaran mengenai keadaan kehidupan ketika zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Hanya terdapat sebuah novel sejarah sahaja yang membincangkan secara menyeluruh mengenai perjuangan orang Melayu mempertahankan survival bangsa. Zaharah Nawawi seorang novelis tanah air yang tersohor telah menghasilkan sebuah Novel Sejarah yang bertajuk Panglima Salleh Selempang Merah. Karya ini memberikan gambaran yang baik mengenai perjuangan Panglima Salleh Selempang Merah atau dikenali sebagai Kiai Salleh di Batu Pahat, Johor. Zaharah Nawawi telah memberikan gambaran yang menarik mengenai usaha Kiai Salleh dalam menyatukan orang Melayu dalam jemaah. Kumpulan ini akhirnya telah berperanan dalam mempertahankan survival bangsa dan kelangsungan orang Melayu di Batu Pahat, Johor. Kekuatan penulisan novel sejarah ini ialah dalam memberikan gambaran yang jelas mengenai perjuangan Kiai Salleh bin Abdul Karim di Johor khususnya di daerah Muar dan Batu Pahat (Zaharah Nawawi, 1995: VII).

Masyarakat di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua

Aspek yang melibatkan kemajuan sosial, ekonomi dan politik orang Melayu lebih ditekankan berbanding dengan soal reformis agama pada tahun 1930-an. Nasionalisme keintelektualan yang berlaku dalam kalangan orang Melayu telah mengubah persepsi khususnya dalam aspek yang melibatkan pendidikan. Idea dan kritikan mula disampaikan melalui genre tulisan khususnya akhbar. Perbandingan dibuat oleh penulis dalam akhbar *Saudara* mengenai budaya bekerja di antara orang Melayu dan Jepun. Orang Jepun telah mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi berbanding dengan orang Melayu. Masyarakat Melayu diharapkan mencontohi orang Jepun yang kemajuannya setanding dengan negara Barat. Kejayaan negara Jepun telah diuar-uarkan dengan harapan dapat menyakinkan masyarakat Melayu bahawa mereka juga boleh maju jika bersungguh-sungguh dan mendapat sokongan daripada orang Melayu sendiri (Siti Rodziah, 2009: 85).

Kegawatan ekonomi dunia antara tahun 1930-an turut memberikan kesan kepada ekonomi di Tanah Melayu. Antara kesan drastik ialah mengenai pengurangan tenaga kerja, pemusatan pemerintahan, dasar pelajaran dan sebagainya. Isu ini telah menjadi bahan perbincangan utama

oleh akhbar-akhbar pada masa itu. Kegawatan ekonomi pada tahun 1929 hingga tahun 1930-an hampir melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu yang sebahagian besarnya bergantung kepada eksport getah dan bijih timah untuk pasaran antarabangsa. Hal ini juga telah menyebabkan nilai jumlah eksport merosot ke paras terendah dalam sejarah tanah air (Siti Rodziah, 2009: 92-93).

Walau bagaimanapun, terdapat juga impak positif seperti peningkatan dalam aktiviti penanaman padi di negeri-negeri Melayu. Hal yang demikian dapat dibuktikan apabila Enakmen Tanah Simpanan Melayu pada tahun 1913 diperkenalkan. Enakmen ini dilihat sebagai undang-undang yang pertama daripada pelbagai undang-undang yang ada bagi mengatasi masalah kekurangan beras. Keadaan yang mendesak pada tahun 1919 telah menyebabkan Enakmen Padi telah diperkenalkan pada tahun 1921. Galakan juga telah diberikan oleh kerajaan bagi meningkatkan penanaman padi dalam kalangan orang Melayu dan kaum-kaum lain. Kesan daripada kempen-kempen ini menyebabkan tanah-tanah sawah yang telah lama terbiar dipulihkan semula dan kawasan pertanian baru di buka. Pada tahun 1930-an, terdapat segelintir orang Cina yang menunjukkan minat dalam penanaman padi, tetapi kerajaan enggan membenarkan kerana dikhuatiri akan kehilangan sokongan daripada orang-orang Melayu. Kerajaan berpendapat, penanaman padi hanya dihaskan untuk orang Melayu sahaja (Siti Rodziah, 2009: 100-101).

Akhbar-akhbar ketika itu juga telah memberikan kesedaran kepada orang Melayu mengenai kegigihan orang Cina bekerja yang seharusnya dijadikan contoh. Antaranya ialah akhbar *Saudara* yang menyeru orang Melayu agar gigih berusaha mencari kekayaan sehingga mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi. Orang Cina yang mempunyai keprihatinan yang tinggi terhadap pelajaran dan memelihara anak-anak bangsa seharusnya dijadikan iktibar. Walau bagaimanapun, dilema kemiskinan orang Melayu ini turut disuarakan oleh pegawai British seperti Sir Cecil Clementi Smith. Beliau antara lainnya mempersoalkan mengenai kehilangan tanah, kuasa sultan dan bilangan imigran yang melebihi orang Melayu (*CO 273/675/7: 23*). Kegawatan ekonomi dunia turut meninggalkan kesan kepada status pemilikan tanah. British memberikan tanah yang berhampiran dengan bandar kepada orang bukan Melayu (*CO 273/675/7: 23*). Pada tahun 1930-an, *Temporary Occupation Licence (TOL)* telah dikeluarkan bagi mengambil hati orang Cina yang berminat dalam penanaman padi. T.S. Adam, Residen Selangor dalam tahun 1932-1937 mengeluarkan arahan supaya tanah TOL di Selangor hanya boleh digunakan untuk menanam sayur-sayuran. Mereka juga dilarang menanam tanaman jangka panjang seperti kopi, kelapa atau buah-buahan. Dasar British ini telah menyebabkan orang Melayu menjadi peladang kecil di kawasan kampung. Sebagai buktinya, mereka hanya diberikan satu lot tanah untuk seorang atau satu keluarga (Siti Rodziah, 1985:202).

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu

Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu bermula pada 8 Disember 1941, jam 12.35 tengah malam apabila Jepun menyerang secara serentak ke atas Pearl Harbour di Pulau Hawaii, Hong Kong, Filipina dan Singapura dengan tidak mengisytiharkan perang terlebih dahulu. Pertahanan Tanah Melayu yang ketika itu dikawal oleh tentera British masih rapuh kerana tidak mempunyai kelengkapan senjata yang mencukupi. Bagi memudahkan serangan ke atas Tanah Melayu, Jepun telah mengadakan pakatan dengan kerajaan Thailand sebelum melancarkan serangan. Kerjasama dengan Jepun amat diperlukan bagi mendapatkan semula tanah jajahan Thailand yang telah diserahkan kepada Indochina. Pada Oktober 1940, Phibun Songkram telah membenarkan Jepun menyerang Tanah Melayu secara rahsia melalui Thailand. Berikutan daripada serangan tersebut pada bulan Mac 1941, Pejabat Konsular Jepun telah dibuka di Songkla (Abdullah Zakaria Ghazali, 1996: 1).

Berikutan kejayaan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, pemimpin mereka berusaha untuk mendapatkan keyakinan masyarakat Tanah Melayu. Oleh yang demikian, mereka bertemu dengan pemimpin di peringkat akar umbi bagi mencanangkan kembali slogan *Asia untuk orang Asia*. Polisi peniponisasi telah dilaksanakan oleh Jepun berikutan kejayaan menawan Tanah Melayu. Sistem pendidikan Jepun telah diberikan perhatian. Penduduk Tanah Melayu telah dipaksa untuk mempelajari bahasa *Nippon-go* dan menggunakannya di kawasan jajahan empayar Jepun dengan alasan menyatukan ke semua individu di bawah satu identiti dan budaya. Selain itu, pelbagai rancangan propaganda menerusi akhbar, sekolah dan aktiviti sosial telah diaturkan. Antaranya ialah termasuk melatih pemuda-pemuda menerusi sekolah khas yang dikenali sebagai *koa-kurenjo* di Singapura dan Melaka (Mohd. Isa Othman, 1992: 286).

Pemerintahan Jepun telah membawa kepada kewujudan masyarakat yang inovatif dan kreatif. Pengarang media massa ketika itu cuba membandingkan elemen kreatif yang dimiliki oleh orang Jepun dengan orang Melayu khususnya. Antaranya ialah seperti berikut:

"Janganlah kita mempunyai otak yang kosong yang tidak tahu berfikir, dan tidak mempunyai pengetahuan. Otak itu pergunakanlah dengan sentiasa. Jikalau kita sudah mencuba memikirkan sesuatu yang patut dan benar maka itulah yang dinamakan "pengetahuan" (*Fajar Asia*, bil. 2. 10 Sangatsu 2603, 62).

Pernyataan ini menunjukkan kepentingan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan seharian khususnya ketika Tanah Melayu berada dalam kancah Perang Dunia Kedua. Keutamaan juga telah diberikan kepada konsep "*seishin*" dan memupuk semangat membara untuk berkhidmat kepada empayar Jepun. Konsep ini juga mencerminkan keperibadian Jepun yang memerlukan disiplin yang ketat, cintakan maharaja (*tenno-heika*), kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada maharaja dan kesanggupan untuk mati demi mempertahankan maruah maharaja (*Fajar Asia*, 29 Shigatsu 2603: 192).

Jepun telah meneruskan dasar berbaik-baik dengan orang Melayu sebelum berlakunya penaklukan ke atas Tanah Melayu. Mereka telah memberikan layanan yang baik dan pekerjaan kepada penduduk kampung dalam sektor perlombongan serta perladangan (*WO 106/2579 B: 9*). Bagi mendapatkan sokongan sultan dan orang Melayu, Jepun telah mengiktiraf secara rasmi kedudukan dan kuasa sultan dalam hal ehwal agama Islam. Bayaran pencen dan suguhati kepada sultan dikekalkan sama seperti sebelum perang. Dalam Majlis Penasihat, bilangan ahli Melayu melebihi bilangan bangsa lain. Sebagai contoh, di Perak, 14/20 adalah orang Melayu dan di Pahang sebanyak 5/9. Taraf sultan telah diturunkan menjadi Ketua Agama Islam, manakala pada bulan Januari 1943, *Malayan Military Administration {Japanese }*(MMA) telah membenarkan sultan menggunakan semula gelaran mereka seperti keadaan sebelum perang (Ibrahim Mahmood, 1981: 28).

Memandangkan soal beragama merupakan isu yang amat sensitif dalam kalangan masyarakat Melayu, dua mesyuarat penting telah diadakan oleh pihak Jepun pada awal pemerintahan mereka. Kebebasan beragama juga telah dipraktikkan. Pada bulan Julai 1943, Marquis Tokugawa telah mencadangkan penubuhan *Supreme Islamic Council* bagi Tanah Melayu. Pembentukan Majlis Agama Islam Malaya dapat mengukuhkan kedudukan Jepun dalam kalangan orang Melayu (Kassim Thukiman, 2002: 134). Di Pahang, Ketua Pegawai Jepun telah meraikan penubuhan Badan Kebajikan Orang Melayu. Jepun memberikan layanan yang agak baik kepada orang Melayu kerana kebanyakannya terdiri daripada golongan petani. Justeru bagi

mendapatkan sokongan, *soldiers-farmers* dihantar ke semua negeri bagi membantu mereka menggandakan hasil pertanian (WO 220/560: 4). Institusi masjid dan surau digunakan untuk tujuan propaganda Jepun. Antara mesej yang di sampaikan ialah seruan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan. Golongan imam dan ulama juga kerap diminta membaca peringatan yang dikeluarkan oleh Pejabat Agama dan Pelajaran. Peringatan yang disampaikan adalah atas arahan pegawai Jepun yang dipertanggungjawabkan kepada hal-hal agama.

Mulai tahun 1944, pihak Pemerintah Tertinggi Asia Tenggara di Delhi dan India mula merangka usaha untuk membuat serangan balas dan menawan semula Tanah Melayu dan seluruh Asia Tenggara daripada tangan Jepun. Di medan pertempuran, tentera Jepun mulai menunjukkan tanda-tanda kekalahan pada pertengahan tahun 1943. Pada bulan Julai 1945, pihak Berikat meminta Jepun menyerah kalah tanpa syarat. Akibatnya bom atom digugurkan di Hiroshima (6 Ogos 1945) dan Nagasaki (9 Ogos 1945). Di Tanah Melayu, pihak Jepun menyerah kalah dengan rasminya apabila menandatangani perjanjian antara Jeneral Itagaki dan Lord Louis Mountbatten pada 12 September 1945 (Ibrahim Mahmood, 1981: 33). Seterusnya pihak British telah mengarahkan persediaan bagi operasi yang dijadualkan pada Ogos 1945. Oleh yang demikian, sabotaj dan prinsip bumi hangus menjadi keutamaan British dalam menawan kembali Tanah Melayu di bawah persediaan rapi Leftenan Jeneral Browning (WO 203/3337: 3-6).

Kezaliman Komunis di Tanah Melayu

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menjadi faktor semerta berlakunya ketegangan hubungan di antara orang Melayu dan Cina. Layanan yang berbeza mengikut kaum menyebabkan timbulnya prasangka. Fahaman komunis yang tidak mempercayai Tuhan menyebabkan orang Melayu yang pada awalnya memberikan sokongan beralih arah dan tidak mahu terpengaruh dengan propaganda komunis. Kezaliman Bintang Tiga yang mengambil alih pemerintahan selama empat belas hari menjadi antara faktor pencetus kepada pergaduhan Melayu-Cina (Mohamed Ali Haniffa, 2017: 2).

Kekosongan kuasa berikutan pengunduran tentera Jepun telah memberikan ruang kepada Bintang Tiga untuk melakukan kezaliman terhadap orang Melayu. Kekejaman Bintang Tiga yang mengambil alih pemerintahan selama empat belas hari telah menjadi antara faktor pencetus kepada pergaduhan Melayu-Cina. Komunis telah berperanan sebagai penyokong kepada perjuangan British khususnya ketika pemerintahan Jepun (CO 537/3757: 27). *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) yang berpusat dalam hutan telah keluar dan memaksa penduduk kampung menjadi penyokong dengan mengenakan yuran dan membekalkan bahan makanan. Penghulu dan ketua kampung dipaksa menjadi anggota *Anti Japanese Union* (AJU), dan mereka dipertanggungjawabkan mengumpul cukai daripada penduduk kampung. Orang Melayu telah hilang kepercayaan terhadap orang Cina apabila komunis mula mengganggu urusan keagamaan di surau dan masjid. Peristiwa tersebut berlaku di Batu Pahat, Johor sebelum tentera Jepun menyerah kalah. Komunis melarang orang Melayu berkumpul di surau atau masjid untuk menunaikan sembahyang terawih dan beribadat (Hairi Abdullah, 1973/4, 1974/5: 8-9). Masjid juga dicemari, dan Al-Quran dijadikan sebagai pengesat najis (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011). Rumah ibadat orang Melayu sering kali dijadikan sebagai tempat bermesyuarat komunis (WO 172/9773: 478).

Kekalahan Jepun menyebabkan MPAJA dengan mudah dapat menguasai Balai Polis dan melakukan kezaliman daripada aspek fizikal. Tujuan mereka ialah untuk melemahkan semangat perjuangan khususnya orang Melayu. Pencerobohan ke atas kesucian agama Islam telah menjadikan orang Melayu yang menganggotai MPAJA mulai beralih angin setelah melihat

tindakan tidak berperikemanusiaan terhadap orang Melayu. Hal ini juga telah meningkatkan kebencian orang Melayu terhadap komunis. Kebencian ini juga beralih kepada semua komuniti Cina yang terpengaruh dengan propaganda komunis. Tambahan pula apabila ramai peniaga dan petani telah menyebarkan fitnah terhadap orang Melayu. Penolakan orang Melayu terhadap propaganda komunis telah menyebabkan mereka menaruh perasaan benci terhadap agama Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, MPAJA yang mengambil alih pentadbiran di Batu Pahat telah menjalankan hukuman ke atas orang yang dianggap bekerjasama dengan Jepun. Mereka menyerang kampung dan membunuh orang Melayu yang dianggap sebagai tali barut Jepun seperti penghulu, polis dan askar Melayu.

Pandangan Akhbar Seruan Ra'ayat Mengenai Konflik Perkauman Melayu-Cina

Akhbar merupakan saluran kritikan ataupun lidah utama golongan marhaen khususnya sebelum dan selepas perang. Matlamat utama pengarang ketika itu ialah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa penjajahan membawa kepada impak yang negatif. Oleh yang demikian, akhbar berperanan untuk memberikan semangat kepada orang Melayu untuk bangkit dan pulih berikutan Perang Dunia Kedua. Keikhlasan British masih boleh dipersoalkan apabila memperkenalkan rancangan Malayan Union yang secara terang-terangan merampas kuasa raja-raja Melayu dan kedaulatan politik orang Melayu sebagai peribumi dan Bumiputera Semenanjung (Ayu Nor Azilah Mohamad, 2014: 71). Peristiwa Malayan Union jelas membuktikan bahawa orang Melayu telah menghadapi perubahan ideologi politik. Raja-raja tidak lagi dianggap sebagai kuasa monopoli dalam kegiatan politik bangsa Melayu. Bukti perubahan ini jelas apabila Sultan Ibrahim dari Johor telah dipulaukan oleh rakyat baginda apabila menandatangani persetujuan Malayan Union dengan rela hati tanpa berbincang dengan pegawai kerajaan baginda. Walaupun imej Sultan Ibrahim dapat dipulihkan tetapi kedudukan baginda sebagai raja yang berkuasa penuh telah hilang sama sekali (Ayu Nor Azilah Mohamad, 2014: 72).

Akhbar *Seruan Ra'ayat* menjadi antara alat perhubungan yang penting bagi orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Akhbar ini dianggap sebagai medium yang memberikan khidmat kepada seluruh rakyat di Tanah Melayu. Tempoh selepas Perang Dunia Kedua dianggap sebagai tempoh masa yang gilang-gemilang. Tempoh masa peperangan telah membawa kerugian kepada British. Tambahan pula sejumlah perbelanjaan yang besar telah diperuntukkan bagi kerja-kerja membanteras komunis di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, British mula memikirkan pelan bagi membangunkan kembali Tanah Melayu selepas perang. Oleh yang demikian, *British Military Administration* (BMA) telah diimplementasikan pada tahun 1946. Ini kerana soal yang melibatkan keamanan mula diberikan perhatian. Oleh yang demikian, rencana pengarang dalam akhbar yang bertarikh 27 Oktober 1945 menerangkan mengenai pelbagai perubahan yang bakal dialami di Tanah Melayu berikutan tamatnya Perang Dunia Kedua. Pengarang juga memberikan penegasan mengenai makna keamanan yang mula diberikan perhatian oleh masyarakat massa. Antara isu utama yang dibincangkan ialah hak orang Melayu di negara mereka sendiri (*Seruan Ra'ayat*: Rencana Pengarang-Permulaan Kalam, 27 Oktober 1945: 1).

Pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya keadaan huru-hara. Ketika itu terdapat elemen komunis yang mencetuskan pemogokan. Antaranya ialah peristiwa mogok yang telah berlaku pada 25 Oktober 1945 di Ipoh. Peristiwa ini telah menyebabkan tergendalanya aktiviti perekonomian seharian. Pada 24 Oktober 1945, polis telah merempuh pejabat akhbar *China Shik Tai Jih Pao* di Brewster Road dan merampas beberapa pucuk surat, menangkap pengarang, pemberita dan pekerja. Akhbar ini dilaporkan telah memberikan sokongan kepada peristiwa mogok tersebut. Akhbar ini juga telah menyiarkan dua

makalah yang membantah tentera British dan pentadbiran tentera yang mahu diasaskan (*Seruan Ra'ayat: Mogok Di Perak Menjadi Fasal, 27 Oktober 1945:1*).

Akhbar selepas perang juga telah mula membangkitkan pandangan dan hasrat rakyat Tanah Melayu dalam menuju ke arah berkerajaan sendiri. Isu pembentukan Kesatuan Malaya yang sedang diusahakan oleh Sir Harold Macmicheal mula diperbincangkan. Kewujudan Majlis Mesyuarat yang ahlinya akan dipilih oleh rakyat merupakan sebahagian daripada usaha menuju ke arah berkerajaan sendiri. Walau bagaimanapun, tempoh selepas perang telah memberikan sedikit kesan kepada pemikiran orang Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Parti Kebangsaan Melayu yang baru ditubuhkan di Perak menyiarkan undang-undang perjuangan sementara bagi tujuan memerdekakan bangsa Melayu. Manakala akhbar *Majlis* turut menyiarkan pandangan bahawa orang Melayu belum sampai ke tahap berkerajaan sendiri. Pengarang juga telah memberikan dua pengertian yang berbeza. Taraf berkerajaan sendiri bermaksud menyerahkan jentera pentadbiran kepada anak negeri manakala jawatan Gabenor dan Pesuruhjaya Tinggi masih dikuasai oleh British. Manakala pengertian kedua ialah mencapai kemerdekaan dengan seluruh kuasa pentadbiran berada di bawah anak-anak negeri (*Seruan Ra'ayat: Soal Berkerajaan Sendiri, 1 November 1945:1-2*).

British juga telah menggunakan alasan memulihkan keamanan dengan menjatuhkan hukuman kepada individu yang disyaki terlibat dalam anasir Jepun. Tempoh masa selepas peperangan juga telah menyebabkan penubuhan Mahkamah Khas dan Majistret Khas bagi menyasat dan mengadili tali barut ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Seseorang yang ditangkap dan mempunyai cukup bukti akan dibicarakan dalam Mahkamah Daerah. Mahkamah Khas juga tidak akan menerima sebarang aduan selepas daripada 31 Januari 1946. Mahkamah Khas bagi negeri Selangor ditubuhkan pada 1 November di Mahkamah Majistret Bukit Court, Kuala Lumpur. Manakala aduan-aduan telah diterima oleh Major P.L. Leefe, Majistret Khas di antara jam 10.30 hingga 12.30 tengahari dan dari 2.30 petang hingga 4.00 petang kecuali pada hari Ahad (*Seruan Ra'ayat: Magistrate2 Khas Di-Lantek Menyasat Talibarut2 Jepun, 1 November 1945:1*).

Walaupun bagaimanapun, proses penahanan dan perbicaraan pesalah di bawah undang-undang perang masih dijalankan. Akhbar turut melaporkan seramai 75 hingga 80 peratus daripada jumlah orang yang disyaki sudah ditangkap. Walaupun bagaimanapun, proses perbicaraan belum dilaksanakan kerana mengumpul maklumat yang berupa keterangan (*Seruan Ra'ayat: Penangkapan Orang2 Salah Perang Berjalan Terus, 3 November 1945: 2*). British juga terus menjalankan tindakan menangkap dan menjatuhkan hukuman ke atas sesiapa yang disyaki bekerjasama dengan Jepun. Hal ini juga telah menjadi halangan dalam memulihkan kembali keharmonian hubungan kaum kerana elemen prasangka masih wujud. Antara individu yang ditahan ialah Abu Bakar yang merupakan bekas Kempeitai Jepun. Dia ditangkap kerana menganiayai tiga orang penduduk tempatan pada 13 Mac 1945. Leftenan Kolonel A.J. Bostock Hill telah menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara dengan kerja berat (*Seruan Ra'ayat: Melayu Talibarut Jepun Menginyaya Bangsa-nya, 24 Januari 1946: 2*).

Kesempitan hidup yang dialami oleh masyarakat di Tanah Melayu selepas perang turut mendapat liputan media massa. Persoalan mengenai semangat dan kemajuan yang perlu capai oleh orang Melayu juga telah diperbincangkan dalam akhbar. Pengarang turut melahirkan rasa syukur kerana orang Melayu telah mulai sedar dan mengambil bahagian dalam mempertahankan negara dari penjajahan. Keprihatinan ini ditonjolkan oleh pengarang seperti berikut:

"Umat Melayu di-segala lapisan hidup wajib mengambil perhatian sa-luas2 dan se-dalam2nya di-segala apa jua perubahan yang sedang dan akan di-lakukan orang ka-atas bangsa dan tanah-ayer kita-kita mesti mengerti bahawa umat Melayu masa ini bukan saperti dalam tahun 1940. Kita tidak suka di-jadikan orang perkakas untok faedah-nya. Kita tidak suka umat Melayu di-perlagakan dengan saudara2 sa-penduduk-nya umpama umat Tionghoa dan Indian yang mana akan berkesudahan menerbitkan perselisihan membawa Malaya akan jadi Palestine yang kedua"(Seruan Ra'ayat: Melayu Wajib-lah Sedar, 1 November 1945:2).

Orang Melayu juga terus-menerus diberikan kesedaran melalui medium akhbar. Mereka disaran mengambil iktibar daripada keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka. Proses penjajahan Portugis dan Belanda telah membawa kepada keruntuhan sebuah Kesultanan Melayu yang agung. Menurut pengarang, orang Melayu juga seharusnya mempunyai semangat keperwiraan yang tinggi seperti mana yang dimiliki oleh Bendahara Seri Maharaja, Laksamana Hang Tuah, Tun Hassan Temenggong, Seri Nara di-Raja, Tun Fatimah, Tun Setia dan lain-lain lagi. Orang Melayu juga seharusnya mempunyai saluran berpolitik yang sah. Hal ini dapat dibuktikan melalui kewujudan Parti Kebangsaan Melayu yang bertujuan menyatukan orang Melayu. Hal ini ditegaskan seperti berikut:

UMAT MELAYU-AYOH!. MARI-LAH KITA BERSAMA2 MENUNAIKAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN YANG TIDAK HARUS DI-ELAH2KAN!! JAOH SA-KALI DARIPADA DI-CHUAI2KAN!!! MELAYU TELAH BERSEDIA MENGKORBANKAN DARAH DAN JIWA-NYA JIKA MUSTAHAK KERANA HAK TANAH AYER SERTA TARAF BANGSA-NYA! "(Seruan Ra'ayat: Apa Kewajipan Melayu?, 3 November 1945: 2).

Perang Dunia Kedua juga telah menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan makanan. Oleh yang demikian, isu mengenai bekalan makanan mula diberikan perhatian serius oleh BMA. Akhbar turut melaporkan bahawa sebanyak 50,000 tan beras akan dibawa masuk ke Tanah Melayu khususnya dari Bangkok bagi mengatasi masalah kekurangan bahan makanan. Bekalan tersebut dibawa dengan menggunakan kapal-kapal pengangkut tentera " (Seruan Ra'ayat: Kapal Beras Sampai, 3 November 1945: 2).

Tanah Melayu masih berada dalam keadaan yang tidak selamat selepas daripada pengunduran tentera Jepun. Akhbar *Seruan Ra'ayat* melaporkan bahawa masih terdapat insiden pergaduhan yang melibatkan orang Melayu dan Cina. Akhbar *Seruan Ra'ayat* turut melaporkan bahawa pada 5 November 1945 telah berlaku pergaduhan Melayu-Cina di Matang Lima. Dikatakan lebih kurang 1,000 orang-orang Melayu telah berhimpun pada waktu malam di kampung tersebut. Pergaduhan telah berlaku pada jam 5.00 hingga 6.00 pagi. Pada pagi 6 November 1945 sepasukan tentera British bersama enam orang "Askar Melawan Jepun" telah masuk ke kawasan kampung dengan tujuan untuk menyiasat. "Askar-askar Melawan Jepun" telah dikepung oleh penduduk kampung dengan bersenjatakan parang. Seramai tiga orang daripada mereka telah terbunuh, dua orang cedera dan seorang lagi telah hilang. Di pihak orang Melayu, seramai 20 orang telah cedera dan meninggal dunia. Seramai 10 orang Melayu yang masih memegang parang yang berlumuran darah telah ditangkap oleh tentera British dan dibawa ke Kuala Pilah. Pergaduhan Melayu-Cina juga dikatakan sedang meletus di Beranang Ulu, Tampin dan lain-lain lagi. Bibit pergaduhan juga dilaporkan di Sepang, Kanchong Darat dan Bukit Changgang di Kuala Langat. Kejadian-kejadian ini merupakan rentetan peristiwa di beberapa lokasi selepas pengunduran tentera Jepun. Antaranya di Johor, Sungai Manik dan Sabak Bernam. British melaporkan bahawa perkelahian Melayu-Cina berlaku kerana "perasaan takut

suatu pihak akan diserang oleh yang lain" (*Seruan Ra'ayat: Kejadian Kemalangan, 11 November 1945: 1*).

Media massa juga berperanan penting dalam melaporkan perkembangan terkini bagi memastikan tidak meletus dan merebaknya pergaduhan di antara orang Melayu dan Cina. Oleh yang demikian, usaha telah dilaksanakan bagi menubuhkan jawatankuasa pemulihan keamanan dan perundingan. Bagi menyelesaikan isu pergaduhan ini, akhbar *Seruan Ra'ayat* melaporkan bahawa satu perjumpaan Jawatankuasa Rakyat Selangor akan diadakan di Dewan Perhimpunan Cina pada 16 November 1945. Rencana pengarang turut memetik bahawa isu ini sudahpun disiarkan dalam akhbar *Majlis*. Kajian juga turut dilakukan bagi mengenalpasti punca pergaduhan seterusnya mencari penyelesaian. Pengarang akhbar menyatakan bahawa faktor yang menyumbang kepada pergaduhan Melayu-Cina ialah kerana salah faham. Perbuatan mengejek, sombong, mengeluarkan kata-kata kasar, gertak, ugut, hendak mengikat, meminta dengan paksa, hendak merompak, melarikan orang dan harta telah menjadi faktor meletus dan merebaknya pergaduhan (*Seruan Ra'ayat: Perkelahian China-Melayu, 11 November 1945: 2*).

Dalam mesyuarat wartawan yang telah diadakan pada hari Sabtu 10 November 1945, Brigedier H.C. Willan, Timbalan Ketua Pegawai Perkara Peremen, Semenanjung Tanah Melayu telah melaporkan mengenai kejadian dua rusuhan di Pahang. Menurut keterangan yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Urusan Pereman, ramai orang telah berkumpul di luar pejabat jajahan, Kuala Lipis, Pahang. Manakala Ketua Urusan Pereman telah menerima sekumpulan wakil orang Cina di pejabatnya bagi mendengar masalah mereka mulai jam 1.00 hingga 4.00 petang. Namun keengganan untuk bersurai telah menyebabkan sekumpulan tentera dipanggil bagi mengawal keadaan. Kemarahan sekumpulan orang Cina terus membuak dan menyebabkan mereka melemparkan batu ke arah tentera dan Pegawai Perkara Peremen. Mereka juga bertindak agresif dengan merampas sepucuk senapang milik tentera. Pihak tentera terpaksa melepaskan tembakan dan menyebabkan seorang Cina mati dan lima cedera. Manakala kejadian rusuhan juga berlaku di Raub, Pahang apabila seramai 300 orang buruh masuk ke pejabat jajahan dan meminta bayaran gaji lima hari untuk kerja yang telah dilakukan selama tiga hari. Perkara ini telah ditolak dan buruh-buruh tersebut telah ditahan dan didakwa serta dijatuhkan hukuman selama lima bulan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (*Seruan Ra'ayat: Rusuhan Di-Pahang Di-Terangkan Willan, 17 November 1945: 1*).

Berita dalam akhbar yang bertarikh 17 November 1945 turut melaporkan bahawa Perjumpaan Jawatankuasa Rakyat Selangor telah dilaksanakan pada 16 November 1945 dengan dihadiri wakil-wakil dari orang Melayu, Cina dan India di Dewan Perhimpunan Cina, Kuala Lumpur. Encik Phang Sow Soong, Pengetua Jawatankuasa Rakyat Selangor dalam ucapannya menyatakan bahawa tujuan perjumpaan tersebut ialah untuk membincangkan masalah-masalah di antara orang Melayu dan Cina sehingga menyebabkan berlakunya pergaduhan. Selepas tamat sahaja ucapan daripada Encik Phang Sow Soong, wakil orang Melayu dari Kuala Langat telah bangun dan menyampaikan ucapan agar kedua-dua kaum melupakan perselisihan yang berlaku ketika zaman pemerintahan Jepun. Wakil orang Melayu tersebut juga menyatakan mengenai keadaan hidup yang harmoni sebelum berlakunya penjajahan. Beliau menyatakan bahawa seluruh kaum seharusnya menyatakan rasa syukur kerana tamat peperangan dan bukannya bermusuhan. Beliau juga menyampaikan nasihat agar hak dan kemaslahatan orang Melayu yang beragama Islam dihormati bagi mengelakkan berlakunya konflik (*Seruan Ra'ayat: Perjumpaan Hendak Menyelesaikan Perkelahian China dengan Melayu, 17 November 1945: 2*).

Proses perundingan di antara orang Melayu dan Cina telah membuka ruang kepada aktiviti mengumpul derma dan membantu mereka yang terjejas berikutan konflik perkauman.

Jawatankuasa Pembantu Kuala Pilah telah mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rakyat Selangor bagi mengutip derma untuk membantu mereka yang terjejas dalam konflik di Kuala Pilah. Wakil-wakil juga dilantik untuk menjalankan tinjauan dan mendapatkan punca meletusnya pergaduhan (*Seruan Ra'ayat: Jawatan2-Kuasa Di-Lantek Untok Perselesaian, 18 November 1945: 1*).

Media massa juga turut membincangkan isu mengenai penglibatan tentera Jepun dalam menanamkan benih perpecahan kaum sehingga teretusnya konflik perkauman Melayu-Cina. Berita dalam akhbar turut melaporkan bahawa pada awal pemerintahan Jepun, ramai individu yang telah menyembunyikan diri bersama dengan kelengkapan senjata. Kumpulan tersebut kemudiannya bertindak sebagai penentang kepada pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Pengarang juga menyatakan bahawa Jepun memerlukan ketidakstabilan hubungan kaum bagi melegitimasi pentadbiran tentera di Tanah Melayu (*Seruan Ra'ayat: Akhbar Malay Mail Menudoh Melayu Membuat Gadoh, 20 November 1945: 1*).

Peranan akhbar-akhbar lain dalam mencetuskan provokasi di antara orang Melayu dan Cina tidak dapat dinafikan. Hal ini dapat dibuktikan apabila akhbar *Malay Mail* telah cuba untuk memanipulasi isu yang berkaitan dengan pergaduhan Melayu-Cina. Kritikan telah dibuat bahawa orang Melayu yang berhati jahat menyerang dan membunuh orang Cina. Akhbar *Seruan Ra'ayat* pula menyatakan bahawa akhbar *Malay Mail* sengaja menaburkan benih pergaduhan di antara orang Melayu dan Cina (*Seruan Ra'ayat: Apa Tujuan Malay Mail, 20 November 1945: 2*). Orang Melayu juga diberikan teguran agar menumpahkan taat setia kepada golongan raja dan pembesar Melayu bagi membina semula maruah mereka (*Seruan Ra'ayat: Sultan Junjongan Ra'ayat, 20 November 1945: 2*).

Isu mengenai konflik Melayu-Cina dibincangkan dalam akhbar pelbagai bahasa di Tanah Melayu. Antara perkara yang diberikan keutamaan ialah penubuhan jawatankuasa keamanan bagi menyelesaikan konflik tersebut. Jawatankuasa juga telah diberikan tugas untuk menyiasat punca berlaku pergaduhan dan mengambil langkah-langkah berkesan bagi menangani keadaan tersebut dari terus merebak. Matlamat utama penubuhan jawatankuasa keamanan ialah untuk mengeratkan kembali hubungan di antara orang Melayu dan Cina (*Seruan Ra'ayat: Apa Sebab2 Perkelahian China-Melayu?, 21 November 1945: 2*).

Hasil dari perundingan yang telah dilaksanakan, konflik Melayu-Cina berjaya diselesaikan di daerah Batang Lebar, Batu Kikir-Kepis Senaling dan Kuala Pilah. Tiga orang wakil dari Melaka yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India telah berunding bagi mencari penyelesaian kepada konflik (*Seruan Ra'ayat: Pergaduhan China-Melayu Di Kuala Pilah Selesai, 5 Disember 1945: 2*). Sultan, pegawai daerah, penghulu, ketua kampung dan wakil Melayu-Cina telah berperanan penting dalam mengembalikan hubungan Melayu-Cina. Hal ini juga turut diberikan penekanan oleh Sultan Selangor. Baginda telah menitahkan semua pemimpin kaum agar memberikan penerangan kepada masyarakat mengenai kepentingan mengembalikan keharmonian kaum. Masyarakat di Tanah Melayu khususnya orang Melayu dan Cina seharusnya sedar mengenai keharmonian yang telah mereka kecapai sebelum zaman pendudukan Jepun. Namun hal ini telah berubah ketika Tanah Melayu diperintah oleh Jepun dan seterusnya membawa kepada kewujudan sentimen perkauman. Baginda juga turut menitahkan agar keharmonian dipulihkan kembali kerana pihak Jepun telahpun menyerah kalah (*Seruan Ra'ayat: Sultan Selangor Bertitah Minta Melayu dan China Berbaik2, 15 Disember 1945: 2*).

Tempoh masa perundingan juga telah menyebabkan meletus dan merebaknya konflik Melayu-Cina di Kota Bharu, Kelantan, Taiping, Perak dan di Bukit Changgang, Kuala Langat, Selangor.

Siasatan lanjut terus dilakukan bagi mengetahui punca kejadian (*Seruan Ra'ayat: China-Melayu Berkelahi Lagi?*, 25 Disember 1945: 1). Terdapat juga berita yang sengaja dimanipulasikan bagi menimbulkan pergaduhan. Walau bagaimanapun, akhbar *Seruan Ra'ayat* pada 29 Disember 1945 melaporkan bahawa tiada pergaduhan yang berlaku di Bukit Changgang, sebaliknya hanya merupakan kejadian salah faham. Laporan menyatakan bahawa orang Melayu di Bukit Changgang telah mengadakan sambutan keraian berkhatam Al-Quran. Mereka juga telah berarak sambil meratib dan telah disalah faham oleh orang Cina. Hal ini telah menyebabkan mereka lari dan membuat pengaduan di Kajang (*Seruan Ra'ayat: Tiada Perkelahian Di-Bukit Changgang*, 29 Disember 1945: 1).

Pada 18 Disember 1945, empat orang wakil dari Persekutuan Orang Ramai Ulu Pahang telah menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di Pekan, Pahang bagi memaklumkan mengenai penubuhan badan tersebut. Wakil-wakil yang menghadap telah memohon pandangan daripada sultan mengenai penglibatan tiga bangsa yang utama dalam usaha memulihkan negeri Pahang seperti keadaan yang sedia ada. Baginda dalam titah ucapan, menyatakan rasa syukur dan berbangga kerana negeri Pahang masih bebas daripada insiden pergaduhan Melayu-Cina seperti mana di negeri-negeri yang lain. Sebagai tindakan susulan, baginda telah berangkat ke Kuala Lipis dan menitahkan perkara yang sama kepada semua penghulu agar hidup dalam keadaan yang aman damai. Baginda juga menegaskan akan menggunakan sepenuh tenaga dan kuasa yang ada sekiranya berlaku pergaduhan di Ulu Pahang (*Seruan Ra'ayat: Wakil2 Persekutuan Orang-Ramai Ulu Pahang Menghadap Sultan Pahang*, 29 Disember 1945: 2).

Radio Chungking juga telah berperanan sebagai saluran provokasi yang utama khususnya dalam tempoh masa meletus dan merebaknya pergaduhan kaum. Antaranya ialah berita bahawa orang-orang Melayu di Tanah Melayu sedang membuat gerakan bencikan orang-orang Cina. Berita ini juga telah disiarkan di akhbar *Utusan Melayu* di Singapura (*Seruan Ra'ayat: Pergaduhan China-Melayu Di-Laongkan Chungking Kapada Dunia*, 30 Disember 1945: 1).

Usaha ke arah perdamaian oleh wakil setiap kaum di setiap negeri terus-menerus dilaksanakan. Berikutan pergaduhan Melayu-Cina di Perak, wakil orang Cina yang diketuai oleh Eng Min Chin, ketua Parti Komunis Malaya Cawangan Perak dan Chin Thian Hwa, Pengetua Persekutuan Rakyat Perak telah pergi menghadap Sultan Perak sehari sebelum Tahun Baru Cina. Wakil orang Cina telah memohon bantuan Sultan Perak dalam menyelesaikan pergaduhan Melayu-Cina. Polis juga telah dihantar untuk menyiasat di sepanjang Sungai Perak bagi mendapatkan maklumat mengenai punca kejadian tersebut (*Seruan Ra'ayat: Perkelahian China-Melayu,-Sultan Perak Di-Hadap China-China Memulaukan Durian*, 5 Januari 1946: 1).

Pelbagai usaha telah dilaksanakan ketika meletus dan merebaknya konflik perkauman Melayu-Cina. British yang memang terkenal sebagai jaguh penjajahan pula mengeluarkan kenyataan yang tersendiri. Antaranya ialah kenyataan yang telah dibuat oleh G.S. Rawlings dalam buku terbarunya yang bertajuk *Malaya*. Beliau menyatakan dengan keras bahawa orang Melayu, Cina ataupun India tidak mempunyai hak untuk menyekat orang-orang lain datang ke Tanah Melayu. Kenyataan tersebut digambarkan seperti berikut:

"Tiada suatu puak di-Malaya, sama ada Melayu, China atau Indian boleh mengeluarkan tuntutan yang manasabah sa-bagai ada hak memerintah atau mentadbirkan Malaya kerana mereka konon-nya bumiputera yang sa-jati, dengan menyekat puak2 lain sa-bagai orang2 yang datang mencheroboh atau datang kemudian, dan hanya-lah karut sa-kira-nya tuntutan yang sa-demikian di-lakukan

di-Amerika Sharikat"(Seruan Ra'ayat: Pemandangan Sa-orang M.C.S. British, 5 Januari 1946: 1).

Dalam satu persidangan jawatankuasa Parti Kebangsaan Melayu Selangor yang telah diadakan pada 1 Januari 1946, mesyuarat telah bersepakat untuk menubuhkan jawatankuasa penyiasat bagi mendapatkan maklumat mengenai rasa tidak puas hati di antara orang Melayu dan Cina sehingga menyebabkan berlakunya pergaduhan (*Seruan Ra'ayat: Seruan Berhubong Dengan Perkelahian China-Melayu*, 5 Januari 1946: 2). Pengarang akhbar juga telah memohon bantuan daripada Parti Kebangsaan Melayu Selangor supaya dapat memberikan nasihat kepada orang Cina agar tidak membesar-besarkan kesalahan orang Melayu. Orang-orang Melayu hanya mahukan beberapa perkara seperti berikut:

"Ada pun yang hendak di-nyatakan itu:-

1. Siapa nama orang yang hilang atau yang mati itu?
2. Laki2, perempuan, atau budak?
3. Berapa umur-nya?
4. Di-mana tempat ia mati atau hilang itu?
5. Tarikh ia mati atau hilang.
6. Sebab2 atau hal2-nya yang di-ketahui.

Kemudian hantar-lah keterangan itu kepada salah satu seperti yang tersebut di-atas itu. Jika tidak dapat hendak di-buat apa2 sa-kali pun, tetapi sa-kurang2nya dapat tahu berapa banyak bilangan kaum bangsa kita telah terkurban. (Melayu.)" (*Seruan Ra'ayat: Harapan Kapada Kaum*, 5 Januari 1946: 2).

Berita-berita mengenai konflik Melayu-Cina terus merebak di Tanah Melayu. Berita mengenai pergaduhan Melayu-Cina turut dilaporkan di Tanjung Karang dan menyebabkan ramai orang Cina melarikan diri sehingga ke Kuala Lumpur. Begitu juga bibit pergaduhan telah muncul kembali di Bukit Changgang, Kuala Langat. Di Kampung Bota, Parit, Perak, tiga buah rumah orang Melayu telah dibakar oleh orang Cina. Seramai 16 orang kanak-kanak dan perempuan Melayu telah meninggal dunia. Orang Melayu telah menyerang balas selepas beberapa hari dan menyebabkan seramai 30 orang Cina dibunuh. Hal yang sama telah berlaku di Lelayang, Parit, Perak. Manakala di Manong, Perak, seramai 100 orang Cina telah memusnahkan tanaman orang-orang Melayu ketika membina jalan selebar enam kaki. Penduduk Melayu telah mengusir orang-orang Cina dengan bersenjatakan parang panjang.

Walau bagaimanapun, orang Melayu tetap mahu berunding dengan orang Cina bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Antaranya ialah ketika mesyuarat diadakan di antara wakil ulama dan orang Cina di Manong. Wakil orang Melayu telah memohon ditunjukkan kubur orang Melayu yang telah dibunuh oleh orang Cina, memulangkan kembali harta milik orang Melayu dan menyerahkan senjata kepada pihak kerajaan (*Seruan Ra'ayat: Perkelahian China-Melayu: Beberapa Tempat Sedang Menyala*, 7 Januari 1946: 1). Ketegangan hubungan kaum juga turut dilaporkan di Setapak dan Ulu Gombak. Peniaga Cina khususnya di kedua-dua lokasi telah mula mengosongkan premis perniagaan dan berpindah dengan membawa keluarga ke tempat lain. Punca kejadian ialah kerana orang Cina dikatakan telah mendapat gangguan yang luar biasa pada waktu malam (*Seruan Ra'ayat: Pertegangan Antara China Dengan Melayu Di-Setapak Dan Ulu Gombak?*, 19 Januari 1946: 2).

Media turut melaporkan kepada masyarakat massa mengenai usaha yang telah dan akan dilaksanakan dalam menangani pergaduhan Melayu-Cina. Antaranya ialah tindakan segera

yang telah dilakukan oleh Sultan, British, pemimpin tempatan Cina dan Melayu dalam menghentikan sebarang kejadian yang tidak diinginkan. Usaha-usaha ini sedikit sebanyak telah mula mengendurkan ketegangan hubungan di antara orang Melayu dan Cina di Bekor, Parit, dan Setiawan (*Seruan Ra'ayat: Perkelahian China-Melayu Di-Berhentikan Di-Perak*, 11 Januari 1946: 1).

Akhbar *Seruan Ra'ayat* turut melaporkan bahawa pergaduhan Melayu-Cina juga berlaku kerana salah faham. Antaranya ialah seperti yang telah berlaku di Segambut. Laporan turut memetik bahawa punca pergaduhan tercetus apabila 15 orang Cina cuba merompak rumah Haji Yusof, *Station Master* Segambut. Perompak tersebut telah melepaskan tembakan namun pistolnya tidak meletup. Peristiwa itu menyebabkan mereka cuba melarikan diri hingga terserempak dengan dua orang Melayu. Kedua-dua orang Melayu telah cuba menyerang perompak tersebut yang menyebabkan seorang perompak Cina mati manakala dua orang Melayu cedera dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur. Hal ini telah menimbulkan salah faham sehingga orang-orang Cina di Segambut mengeluarkan ugutan hendak menyerang orang-orang Melayu dan polis yang cuba menyasiat kejadian tersebut (*Seruan Ra'ayat: Puncha Pertemporan China-Melayu Di-Segambut*, 19 Januari 1946: 1). Walau bagaimanapun, akhbar *Daily News* di Kuala Lumpur menegaskan bahawa punca pergaduhan ialah kerana salah faham di mana 15 orang perompak tersebut telah mengarahkan Haji Yusof memberhentikan keretapi yang menuju ke utara (*Seruan Ra'ayat: Peristiwa Segambut*, 24 Januari 1946: 2).

Akhbar bertarikh 20 Januari 1946 pula melaporkan bahawa pemimpin-pemimpin setiap kaum turut melahirkan rasa terkilan kerana hubungan baik yang telah dibina oleh orang Melayu dan Cina telah berubah sekelip mata selepas daripada pengunduran tentera Jepun. Hal ini telah dibangkitkan oleh Kolonel H.S. Lee di dalam Majlis Penasihat Selangor pada 19 Januari 1946. Anggapan yang menyatakan bahawa pergaduhan ini kecil dan hanya berlaku di beberapa lokasi sahaja adalah tidak benar. Sebaliknya konflik ini telah meletus di Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan dan Selangor. Beliau telah memberikan saranan agar pemulihan keamanan diberikan tumpuan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja membangunkan kembali Tanah Melayu selepas perang dilakukan. Beliau juga menyeru agar dibuang cerita-cerita palsu dan provokasi yang boleh menimbulkan permusuhan (*Seruan Ra'ayat: Perkelahian2 China Melayu Di-Sebut*, 20 Januari 1946: 2).

Tindakan melalui kuatkuasa undang-undang juga telah mendapat reaksi berbeza. Hal yang demikian juga telah mendapat liputan dalam akhbar. British telah mengeluarkan arahan untuk merampas segala senjata berupa parang yang disimpan oleh orang Melayu. Tindakan ini telah menimbulkan reaksi negatif dalam kalangan orang Melayu. Ini adalah kerana orang Melayu telah sinonim dengan penggunaan parang khususnya dalam tugas yang melibatkan pertanian. Orang Melayu merasakan diri mereka dihukum oleh British kerana kebanyakan senjata itu merupakan warisan dan pusaka nenek moyang (*Seruan Ra'ayat: Merampas Parang*, 20 Januari 1946: 2).

Pemeriksaan juga turut dilakukan dalam jarak 5 batu radius di kawasan Bekor, Bekor Tanjong, Manong dan Parit bagi merampas peralatan senjata orang Melayu kecuali yang digunakan untuk tujuan pertanian dan tidak berbahaya (*WO 172/9773: 368*). Arahan ini bukan sahaja diguna pakai di daerah yang berhampiran tetapi merangkumi ke seluruh negeri Perak. Parang dan tombak juga dirampas di daerah Bruas (*WO 172/9773: 288*). Peristiwa merampas parang orang Melayu khususnya golongan petani di kawasan perkampungan menunjukkan rasa tidak ikhlas pihak British dalam menyelesaikan isu pergaduhan. Langkah ini juga menunjukkan tindakan

berat sebelah pihak British yang hanya menyalahkan orang Melayu dalam kejadian tersebut (WO 172/9773: 288).

Pada 11 Mac 1946 sekumpulan pegawai dan anggota polis telah mengarahkan penduduk Melayu di kawasan perkampungan Sungai Rubana, Perak menyerahkan semua parang dan kapak tanpa diberikan sebarang penerangan. Berikutan itu, Kamaruddin bin Abd. Samad telah menulis sepucuk surat kepada Presiden *Malay League, Lower Perak Branch* dan menyuarakan rasa tidak puas hati penduduk Kampung Sungai Rubana dan Kampung Sungai Durian, Teluk Anson mengenai larangan membawa senjata tajam. Hal ini adalah kerana kebanyakan penduduk kampung mencari pendapatan dengan menjual nipah dan nibung bagi menghasilkan atap. Surat permohonan agar dipulangkan kembali peralatan mereka yang telah dirampas telah di hantar tetapi tidak mendapat sebarang maklum balas positif daripada pihak PTB. Tambahan pula hubungan orang Melayu-Cina di kawasan Kampung Sungei Rubana berada dalam situasi harmoni. Ketua Kampung Sungai Rubana juga memberikan penjelasan bahawa senjata merupakan alat mempertahankan diri yang amat penting bagi penduduk kampung (DOLP. 158/45: 50[1]). Akhbar sebagai medium yang paling murah dan mudah diakses oleh masyarakat massa telah berperanan penting dalam melaporkan maklumat. Amat jelas daripada analisis perbincangan yang telah diutarakan bahawa peranan akhbar *Seruan Ra'ayat* sebagai perakam peristiwa selepas Perang Dunia Kedua memang tidak dapat disangkal lagi. Sedikit sebanyak akhbar tersebut telah berperanan sebagai pemangkin kepada tercetusnya nasionalisme keintelektualan dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu.

Kesimpulan

Pendudukan Jepun telah memberikan impak negatif dalam membentuk perasaan perkauman di Tanah Melayu. Dasar imigrasi British dan polisi pecah dan perintah British telah membentuk jurang perkauman. Oleh yang demikian, proses asimilasi dan sosialisasi dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu tidak berlaku. Kekalahan Jepun dan ruang kekosongan kuasa selama empat belas hari telah memberikan peluang kepada komunis berkuasa di Tanah Melayu. Tekanan dan kekejaman komunis sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua telah menyebabkan berlakunya prasangka perkauman. Akhbar memainkan peranan yang besar dalam perkembangan intelektual, sosial dan politik masyarakat Melayu. Akhbar juga bukan berperanan sebagai perakam isu-isu semasa malah mencerminkan pemikiran masyarakat semasa. Justeru itu, akhbar berperanan sebagai pembias kepada kehidupan masyarakat semasa. Penjajahan telah memberikan impak negatif dalam membentuk keharmonian dan sistem sosial masyarakat di Tanah Melayu. Hal ini bertambah rumit apabila meletus dan merebaknya konflik perkauman Melayu-Cina di Tanah Melayu. Akhbar berperanan penting dalam kehidupan masyarakat hari ini. Ia bertindak sebagai media komunikasi massa yang menyalurkan pelbagai maklumat yang boleh mempengaruhi masyarakat. Tambahan pula akhbar merupakan wadah yang popular dan paling cepat menyampaikan maklumat. Dalam dekad selepas Perang Dunia Kedua, akhbar merupakan wadah penyebaran maklumat yang paling berkesan. Peranan akhbar amat relevan pada hari ini walaupun berlaku revolusi teknologi maklumat. Bagi sejarawan, akhbar tetap menjadi wadah utama dalam mentafsirkan maklumat.

Bibliografi

- Amanda Corteso, ed., (1944). *The Suma Oriental of Tome Pires, Vol. II*, London: The Hakluyt Society.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, (2014). *Transisi Perpaduan Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Dlm. *Sejarah Peradaban dan Pemikiran Kontemporari di Malaysia*. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1996). *Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-45*:

- Pentadbiran Jepun dan Thai*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Burridge, Kenelm, O.L., (Vol. II, No. 2, May 1951). 'Racial Relations in Johore,' Australian Journal of Politics And History.
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press.
- Cheah Boon Kheng. (Volume 12, No. 1, 1981). 'Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance,' Journal of Southeast Asian History.
- CO 273/675/7: Future Policy in Malaya-Malaya-Government and Rehabilitation.
- CO 537/3757: Malaya: Chinese Affairs and Correspondence with Mr. H.T. Pagden-1948.
- DOLP. 158/45: Preservation of Law & Order in Lower Perak, 2.1.46-11.4.46.
- Fajar Asia*, bil. 2. 10 Sangatsu 2603.
- Fajar Asia*, 29 Shigatsu 2603.
- Hairi Abdullah. (Bil., 3/4, 1973/4, 1974/5). 'Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat,' *JEBAT*.
- Ibrahim Mahmood. (1981). Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Kassim Thukiman. (2002). *Malaysia, Perspektif, Sejarah dan Politik*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Isa Othman. (2000). *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, Sdn. Bhd.
- Mingguan Malaysia*, 4 September 2011.
- Mohamed Ali Haniffa. (2017). Survival Orang Melayu di Johor Berikutan Kekejaman Komunis, 1945. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies (Jebat)*. Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seruan Ra'ayat*, 1945-1946.
- Siti Rodziah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sullivan, Patrick. (1982). *Social Relations of Dependence in A Malay State: Nineteenth Century Perak*, Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- WO 106/2579B: Fall of Singapore: Statements by Witnesses-Mar-July 1942.
- WO 203/3337 (3-6), Sabotage and Counter Scorch Policy in Malaya, 30 June 1945.
- WO 220/560: Far Eastern Bureau-Malaya Under Japanese.
- WO 172/9773: War Diary.
- Wan Hashim bin Wan Teh. (2008). 'Teori Migrasi Dan Asal Usul Ras Melayu', dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Zainal Abidin b. Abdul Wahid. (2008). 'Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa', dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Zahari A. Rashid. (2008). *Kenang-Kenangan Abdullah Munsyi*, Petaling Jaya Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd..
- Zaharah Nawawi. (1995). *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.